

SOALAN NO. 101

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah statistik penderaan rumah tangga terhadap wanita yang dilaporkan sepanjang tahun 2015 dan apakah faktor utama berlaku penderaan tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah kes keganasan rumah tangga terhadap wanita yang dilaporkan pada tahun 2015 adalah sebanyak 627 kes (94%) dari jumlah keseluruhan iaitu 667 kes.

Antara faktor utama yang menyebabkan keganasan rumah tangga yang dilaporkan mangsa kepada JKM adalah seperti berikut:

1. Perselisihan faham pasangan suami-isteri mengenai sesuatu hal yang menyentuh perasaan atau menyakitkan hati (158 kes);
2. Sikap panas baran pasangan yang mudah melepaskan kemarahan dengan kata-kata kasar, ugutan dan tindakan fizikal (146 kes);

3. Kes penagihan dadah yang menyebabkan tiada tanggungjawab terhadap keluarga seperti mencari nafkah, perbelanjaan harian, pakaian dan persekolahan anak-anak (71 kes);
4. Masalah kewangan dalam keluarga (65 kes); dan
5. Perasaan cemburu terhadap tingkah laku pasangan dengan orang lain (50 kes).